

25/03/1997

Pegawai boleh letak jawatan untuk berniaga

KUALA LUMPUR, Isnin - Pegawai kanan kerajaan boleh meletak jawatan dan menyertai pelbagai bidang perniagaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam usaha menambah bilangan golongan menengah Bumiputera.

Menterinya, Datuk Annuar Musa, berkata banyak peluang perniagaan wujud seperti membekal bahan input pertanian, pembinaan dan penyediaan kemudahan asas, pengangkutan serta pengurusan ladang.

Katanya, pembekalan bahan input pertanian seperti baja dan racun kepada agensi kementerian seperti Felcra, Risda dan Lembaga Kemajuan Wilayah adalah bidang yang masih terbuka kepada penyertaan Bumiputera.

"Selain itu, banyak lagi bidang seperti membina jalan di kawasan tanah rancangan dan luar bandar, menyediakan bekalan air dan elektrik serta mengangkut hasil ladang.

"Kita tahu ramai pegawai kanan yang ada pengalaman dan mereka boleh berhenti untuk menyertai bidang berkenaan melalui usaha sama dengan anak syarikat serta agensi kementerian ini.

"Kementerian juga sedia menimbang untuk menjual anak syarikat yang berpotensi kepada pegawai melalui pengambilalihan oleh pengurusan (MBO)," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis taklimat kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di kementerian itu di sini, hari ini.

Sebelum ini, Majlis Tertinggi (MT) Umno meluluskan resolusi meminta kerajaan mewujudkan lebih ramai golongan menengah Bumiputera. Ini kerana, jumlah golongan berkenaan masih rendah berbanding kaum lain.

Annuar juga berkata, beliau mengarahkan kakitangan kementeriannya mengurangkan kerenah birokrasi bagi mengelakkan kelulusan sesuatu projek mengambil masa terlalu lama.

Menurutnya, adalah tidak wajar jika permohonan pinjaman mengambil masa melebihi tiga bulan kerana menyusahkan pemohon di samping membantutkan projek yang perlu disegerakan.

"Saya agak kecewa kerana walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kakitangan kerajaan mengurangkan kerenah birokrasi tetapi masih ada kakitangan kerajaan yang tidak mematuhi."

"Ini adalah antara punca beban yang terpaksa ditanggung oleh usahawan Bumiputera dan ia juga boleh menggagalkan usaha untuk melahirkan lebih ramai golongan kelas menengah Bumiputera," katanya.

(END)